



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**21 JANUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 176 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 245,255 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Keningau dan satu (1) kes di daerah Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 216 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 237,513 orang. Manakala 670 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 365 orang di hospital, 297 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 24 orang merangkumi 19 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 19 (25.33%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 17 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes baharu di Sabah hari ini kembali di bawah paras 200 dengan 176 kes, 80 kes lebih rendah daripada jumlah semalam.
- b. Jumlah kes-kes baharu daripada kluster-kluster aktif cuma 11 kes, iaitu tujuh (7) daripada Kluster Jalan Pertukangan, Sandakan dan empat (4) daripada Kluster Puri, Ranau. Ini mempengaruhi catatan harian kes baharu yang lebih rendah di Sabah.
- c. Terdapat tujuh (7) daerah mencatat kes baharu dua (2) angka yang didahului oleh Kota Kinabalu dengan 41 kes (-4), diikuti oleh Penampang dengan 19 kes (+1), Papar 15 kes (-3), Tuaran 15 kes (-13), Beaufort 13 kes (+7), Sandakan 12 kes (kekal sama) dan Kota Marudu 11 kes (+1). Tidak ada kes baharu di Kalabakan, Nabawan, Kunak, Telupid, Beluran dan Semporna.
- d. Kedudukan semasa jangkitan COVID-19 di Sabah adalah stabil. Turun naik kes harian secara mendadak banyak dipengaruhi oleh kemunculan kluster-kluster baharu dari masa ke masa. Tetapi apapun jumlah kes setiap hari, statistik yang konsisten ialah lebih 98% daripada semua kes baharu berada dalam Kategori 1 dan 2. Vaksinasi telah mengurangkan dengan banyak kes-kes serius akibat jangkitan COVID-19 dan ini telah mengurangkan secara signifikan jumlah pesakit yang perlu dimasukkan di hospital untuk rawatan.
- e. Hari ini 172 orang daripada 176 pesakit baharu berada dalam Kategori 1 dan 2 yang pada lazimnya tidak memerlukan rawatan di hospital. Dua (2) lagi pesakit berada dalam Kategori 3 dan masing-masing seorang dalam Kategori 4 dan Kategori 5.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (82) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	11	6.25%
2	Kontak	82	46.59%
3	Bergejala	66	23.83%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	17	9.65%
<b>JUMLAH</b>		<b>176</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (20 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 20/01/2022	Catatan Kes 21/01/2022	Perbandingan
1	Beaufort	6	13	+7
2	Sipitang	2	6	+4
3	Kota Belud	4	6	+2
4	Kudat	1	3	+2
5	Penampang	18	19	+1
6	Kota Marudu	10	11	+1
7	Lahad Datu	4	5	+1
8	Tawau	3	4	+1
9	Tenom	2	3	+1
10	Tongod	0	1	+1
11	Sandakan	12	12	Mendatar
12	Kuala Penyu	2	2	Mendatar
13	Tambunan	1	1	Mendatar
14	Nabawan	0	0	Mendatar
15	Kunak	0	0	Mendatar
16	Kalabakan	0	0	Mendatar
17	Semporna	0	0	Mendatar
18	Telupid	0	0	Mendatar
19	Kinabatangan	56	1	-55
20	Putatan	21	4	-17
21	Tuaran	28	15	-13
22	Kota Kinabalu	45	41	-4
23	Ranau	12	8	-4
24	Papar	18	15	-3
25	Keningau	6	4	-2
26	Beluran	2	0	-2
27	Pitas	3	2	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>256</b>	<b>176</b>	<b>-80</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (7 Januari – 20 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	23	14	0	4	41	648
Penampang	0	10	9	0	0	19	289
Tuaran	0	9	5	0	1	15	294
Papar	0	10	3	0	2	15	190
Beaufort	0	5	7	0	1	13	85
Sandakan	7	0	5	0	0	12	191
Kota Marudu	0	4	5	0	2	11	114
Ranau	4	0	4	0	0	8	230
Kota Belud	0	2	3	0	1	6	145
Sipitang	0	5	1	0	0	6	53
Lahad Datu	0	0	3	0	2	5	25
Putatan	0	0	3	0	1	4	95
Keningau	0	4	0	0	0	4	138
Tawau	0	3	0	0	1	4	75
Tenom	0	2	1	0	0	3	79
Kudat	0	1	1	0	1	3	20
Pitas	0	2	0	0	0	2	17
Kuala Penyu	0	2	0	0	0	2	72
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	88
Tambunan	0	0	1	0	0	1	96
Tongod	0	0	1	0	0	1	18
Beluran	0	0	0	0	0	0	31
Telupid	0	0	0	0	0	0	20
Semporna	0	0	0	0	0	0	6
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
Nabawan	0	0	0	0	0	0	15
<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>	<b>82</b>	<b>66</b>	<b>0</b>	<b>17</b>	<b>176</b>	<b>3,045</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Daerah</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Jumlah Kes Baharu</b>
Ranau	Kluster Puri Ranau	4
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	7
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,711 unit

- Hospital 1,114 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.05%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 21 JANUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	172
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>176</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Australia	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	166
Bukan Malaysia	10
<b>Jumlah</b>	<b>176</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	20
Belum Menerima Vaksin	25
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	118
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	13
<b>Jumlah</b>	<b>176</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	8
6 to 11	11
12 to 17	24
18 to 25	29
26 to 59	84
>60	19
<b>Jumlah</b>	<b>176</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 20 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,443 orang. Daripada jumlah ini, seramai 9,352 orang adalah penduduk dewasa dan 91 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 20 Januari 2022 adalah seramai 2,453,340 orang. Ini meliputi 2,116,245 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.72% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,103 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,591 orang atau 76.01% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,095 orang atau 77.67% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,512 atau 72.01% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,005** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,897 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 38 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 155 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 50 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 857 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 194 premis perniagaan dan 222 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 224 Premis Perniagaan melibatkan 101 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 64 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 98 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.6%
2	Semporna	98.3%
3	Kudat	98.3%
4	Lahad Datu	98.2%
5	Keningau	98.2%
6	Kinabatangan	98.2%
7	Beluran	98.2%
8	Sandakan	98.1%
9	Beaufort	98.1%
10	Ranau	98.1%
11	Kota Marudu	98.1%
12	Kota Belud	98%
13	Papar	98%
14	Sipitang	98%
15	Kota Kinabalu	98%
16	Tuaran	98%
17	Tawau	98%
18	Penampang	97.9%
19	Tenom	97.8%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**